

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI)

TARIKH: 25 DISEMBER 2017

MUKA SURAT: 03

Kerajaan negeri, PBT diarah kaji aspek perparitan

KUALA LUMPUR 24 Dis. - Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar mengarahkan kerajaan negeri serta pihak berkuasa tempatan (PBT) mengkaji pelbagai aspek khususnya sistem perparitan dan saluran sebelum meluluskan pembinaan atau pembangunan sesuatu kawasan.

Ini kerana, tegas Menteri, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuan Ku Jaafar, kebanyakan pemaju lebih mementingkan keuntungan jualan berbanding keadaan pembinaan jangka masa panjang dan memandang enteng sistem saluran semula jadi yang wujud di kawasan berkenaan.

Malah katanya, pemaju juga hanya menyediakan sistem perparitan dalaman sahaja sehingga menyebabkan air 'tercekik' kerana ketiadaan terusan untuk mengalir ke sungai.

"Pemaju kawasan perlu peka

dengan keadaan persekitaran seperti kewujudan sungai kecil kerana ia adalah fenomena alam yang berlaku secara semula jadi ketika hujan.

"Apabila kerajaan negeri atau PBT meluluskan pembangunan di kawasan berkaitan, sungai kecil ini sering ditimbus dan ditambah sehingga menyebabkan air tidak dapat mengalir seperti yang berlaku di Termemmar, Sarawak yang mana anak Sungai Sibul ditimbus semasa pembinaan," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau berkata demikian susulan laporan khas *Mingguan Malaysia* hari ini yang menyatakan



WAN JUNAIDI

kira-kira 30,000 kilometer persegi kawasan di negara ini dikenal pasti sebagai lokasi banjir disebabkan pembangunan tidak terkawal sehingga memusnahkan sistem tadahan hujan selain berpunca daripada 70 peratus sistem perparitan yang lama.

Mengulas lanjut, Wan Junaidi memberitahu, perparitan dan saluran khususnya dalam kawasan bandar dan pekan di seluruh negara tidak lagi mencukupi kerana bandar di Malaysia cepat membangun dan kebanyakan kawasan telah diturap, dikongkrit sehingga tidak dapat menyerap air.

Mengambil contoh pembangu-

nan di Gong Badak, Terengganu, jelas beliau, kawasan berkenaan tidak sepatutnya dijadikan lokasi penempatan kerana merupakan lembah dan rendah.

Malah katanya, jurutera perunding juga sudah mencadangkan supaya tempat itu ditambah sehingga tujuh kaki sebelum dibangunkan, namun pemaju ingkar menyebabkan kawasan itu ditenggelami air sejurus pembeli pindah masuk selain mengakibatkan kerugian yang besar.

Ketika ditanya sama ada wujud unsur rasuah dalam pemberian Sijil Kelayakan Menduduki (CF) sesuatu kawasan, ujar beliau, perkara itu mungkin disebabkan jurutera tidak peka atau tidak kisah atau bersengkokol, namun perkara itu perlu diselidik terlebih dahulu dan tidak boleh membuat tuduhan secara menyeluruh.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN